جابتن حال احوال اݢام اسلام نݢري سابه

# KHUTBAH PERTAMA DAN KEDUA
# AIDILADHA 1441H/2020M

# PENGORBANAN ASAS PENGUKUHAN UMMAH

## Khutbah Pertama

اللهُ أَكْبَرُ! اللهُ أَكْبَرُ! اللهُ أَكْبَرُ

اللهُ أَكْبَرُ! اللهُ أَكْبَرُ! اللهُ أَكْبَرُ

اللهُ أَكْبَرُ! اللهُ أَكْبَرُ! اللهُ أَكْبَرُ

اللهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا و الحَمْدُ للهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللهِ بُكْرَةً وَأَصِيْلاً .

اَلحمدُ لِلّٰهِ الْقَآئِلِ:

لَن يَنَالَ ٱللَّهَ لُحُومُهَا وَلَا دِمَآؤُهَا وَلَٰكِن يَنَالُهُ ٱلتَّقْوَىٰ مِنكُمْۚ كَذَٰلِكَ سَخَّرَهَا لَكُمْ لِتُكَبِّرُواْ ٱللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَىٰكُمْۗ وَبَشِّرِ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٣٧﴾

اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ وَنَصَرَهُ وَوَالَاهُ.

أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونْ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ اتَّقُواللهَ أُوصِيكُمْ وَإِيَّاىَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُون

اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، وَللهِ الحَمْدُ،

**JEMAAH AIDILADHA YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,**

Dipagi yang berbahagia ini, dengan iringan gema takbir dan tahmid kita alunkan bersama-sama bagi membangkitkan kesedaran, mengingatkan betapa banyaknya nikmat Allah yang dikurniakan kepada kita sehingga tidak ada siapa pun yang dapat menghitungnya. Lantaran itu marilah kita menyucikan hati, merafa'kan kesyukuran serta ketakwaan kehadrat Allah SWT.

Alhamdulillah, pada hari ini kita merayakan Aidiladha yang menjadi simbol kemenangan umat Islam, lambang keagungan, kebersamaan dan kesempurnaan agama Islam. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Maidah, ayat 3 yang bermaksud: "*Pada hari ini aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan aku telah cukupkan nikmatku kepada kamu dan aku redha Islam itu menjadi agama kamu.*"

اللهُ أَكْبرُ، اللهُ أَكْبرُ، اللهُ أَكْبرُ، وَللهِ الحَمْدُ،

**JEMAAH AIDIL'ADHA YANG DIBERKATI ALLAH SWT SEKALIAN,**

Para tetamu Allah SWT yang berada di Makkah sentiasa mengungkapkan lafaz talbiah:

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لاَ شَرِيْكَ لَك لَبَّيْكَ

Lafaz talbiah itu merupakan iqrar dan aku janji setia, daripada seseorang hamba kepada tuhannya untuk terus patuh dan taat tanpa melakukan syirik terhadap-Nya. Manakala kita disini tidak melafazkan talbiah, sebaliknya kita dianjurkan memperbanyak lantunan takbir, tahlil dan tahmid. Kita gemakannya sepanjang hari-hari *Tashrik*. Mudah-mudahan ianya dapat menghidupkan hati dan membangunkan jiwa dengan mengagungkan Allah SWT. Hakikatnya, hanya dengan berpegang teguh dengan tali Allah SWT sahaja yang akan dapat memberikan kekuatan kepada umat Islam untuk terus tabah mengibar panji-panji Islam.

اللهُ أَكْبرُ، اللهُ أَكْبرُ، اللهُ أَكْبرُ، وَللهِ الحَمْدُ،

**JEMAAH AIDILADHA YANG DIKASIHI ALLAH SWT SEKALIAN,**

Aidiladha yang kita rayakan saat ini dapat mengimbas kembali kisah perjuangan dan pengorbanan Nabi Ibrahim AS, yang taat melaksanakan perintah Allah SWT. Kisah Siti Hajar, ibu mithali yang mengetepikan perasaan sebagai ibu bagi menjunjung titah perintah Allah SWT. Dan juga kisah seorang anak bernama Ismail AS yang sabar dalam menghadapi ujian, menempuh kematian semata-mata untuk mencari keredhaan Allah SWT.

Peristiwa hebat keluarga mithali ini telah dinukilkan di dalam al-Quran dalam surah as-Saaffaat (سورة الصافات) ayat 102 yang bermaksud: *"Maka tatkala anak itu sampai (keperingkat umur yang membolehkannya) berusaha bersama-sama dengannya, (Nabi Ibrahim) berkata : wahai anak kesayanganku ! sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu : maka fikirkanlah apa pendapat mu ? anaknya menjawab : wahai ayahandaku ! laksanakanlah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu insyaallah ayahanda akan mendapati anakanda dari orang-orang yang sabar".*

Contoh yang ditampilkan oleh keluarga ini perlu kita hayati. Kita perlu meletakkan ketaatan kepada Allah SWT melebihi dan mengatasi segala-gala yang lain. Kita perlu benar-benar melaksanakan janji kita dalam doa iftitah yang bermaksud :

*"Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku semuanya tertumpu bagi mendapatkan keredhaan Allah, tuhan mentadbir seluruh alam".*

اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، وَللهِ الحَمْدُ،

**JEMAAH AIDILADHA YANG DILINDUNGI ALLAH SWT SEKALIAN,**

Mengakhiri khutbah Aidil'adha ini, marilah kita sama-sama mengambil iktibar dan menghayati pengajaran daripada hari raya korban:

**Pertama:** Peristiwa pengorbanan yang dilalui oleh Nabi Ibrahim AS serta anaknya Nabi Ismail AS memberi makna besar kepada seluruh umat Islam dan ianya memperlihatkan secara jelas sifat ketakwaan dan ketaatan seorang hamba. Ketaatan yang dilakukan bukan secara membuta tuli, sebaliknya didorong oleh keyakinan mematuhi perintah Allah SWT.

**Kedua:** Syariat berkorban menegaskan bahawa umat Islam memiliki empati dan simpati antara sesama insan. Jelasnya di sini, menguatkan hubungan dengan Allah SWT serta mengeratkan hubungan sesama manusia memperlihatkan penegasan bahawa elemen kebersamaan perlu diutamakan.

**Ketiga:** Pelaksanaan ibadah korban untuk mendekatkan diri kepada Allah sebagai tanda kesyukuran di atas kurniaannya di samping mengikis sifat tamak dan bakhil dalam mengeluarkan harta. Semangat tangan di atas (yakni yang memberi) dan bukan tangan di bawah (yakni yang menerima) amat perlu untuk kita perkasakan. Firman Allah dalam surah al-Kauthar ayat 1 dan 2:

إِنَّآ أَعْطَيْنَٰكَ ٱلْكَوْثَرَ ﴿١﴾ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَٱنْحَرْ ﴿٢﴾

Maksudnya: *“Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan di akhirat). Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur).”*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

ٱللهُ أَكْبَرُ ٱللهُ أَكْبَرُ ٱللهُ أَكْبَرُ،

لَآ إِلَهَ إِلاَّ ٱللهُ وَٱللهُ أَكْبَرُ، ٱللهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ ٱلْحَمْدُ

# KHUTBAH KEDUA

ٱللهُ أَكْبَرُ ٱللهُ أَكْبَرُ ٱللهُ أَكْبَرُ
ٱللهُ أَكْبَرُ ٱللهُ أَكْبَرُ ٱللهُ أَكْبَرُ
ٱللهُ أَكْبَرُ ٱللهُ أَكْبَرُ ٱللهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ ٱلْحَمْدُ

الحَمدُ للهِ نَحمَدُهُ وَنَستَعِينُهُ وَنَستَغفِرُهُ وَنُؤمِنُ بِهِ وَنَتَوَكَّلُ عَلَيهِ وَنَعُوذُ بِاللهِ مِن شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِن سَيِّئَاتِ أَعمَالِنَا، مَن يَهدِهِ اللهُ فَلاَ مُضِلَّ لَهُ وَمَن يُضلِلهُ فَلاَ هَادِيَ لَهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ ٱللهِ. اتَّقُوا ٱللهَ، وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ. وَاعلَمُوا أَنَّ اللهَ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى أَمَرَكُمْ بِأَمرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفسِهِ وَثَنَّى بِمَلاَئِكَتِهِ المُسَبِّحَةِ بِقُدسِهِ.

قَالَ اللهُ تَعَالَى مُخبِرًا وَآمِرًا: ﴿ إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّ ۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ صَلُّوا۟ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا۟ تَسْلِيمًا ﴾

اللهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ. وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنِ الأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الأَدْنَاسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَعَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ الأَكْرَمِيْنَ، وَالتَّابِعِيْنَ وَمَنْ تَبِعَهُم بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

آمِيْنُ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ

اَللّٰهُمَّ آمِنَّا فِى أَوْطَانِنَا وَأَصْلِحْ أَئِمَّتَنَا وَوُلاَةَ أُمُوْرِنَا وَاجْعَلْ وِلاَيَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ وَاتَّبَعَ رِضَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ. اَللّٰهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى ، أَنْ تَلْحَظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَةِ وَتَحْفَظَ بِحِفْظِ وِقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَةِ فَخَامَةَ الرَّئِيْسِ الْأَعْلَى توان يغ تراوتاما يغ دڤرتوا نݢري سابه وَاجْعَلِ التَّقْوَى زَادَهُ وَمَأْلَهُ.

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالأَمْوَاتِ، وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوْبِهِمْ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ، وَانْصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَدُوِّهِمْ. اَللّٰهُمَّ اهْدِنَا سُبُلَ السَّلاَمِ وَأَخْرِجْنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّوْرِ، وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ.

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْ مَالِيْزِيَا وَسَائِرَ بِلاَدِ الْمُسْلِمِيْنَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً رَخِيَّةً. اللّٰهُمَّ سَلِّمْ بِلاَدَنَا مِنَ المُفسِدِينَ وَطَهِّرهَا مِنَ المُتَطَرِّفِينَ وَوَفِّقنَا جَمِيعًا لِطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ رَسُولِكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ وَطَاعَةِ مَن أَمرتَنَا بِطَاعَتِه

يا الله، جاديكنله كامي اورڠ٢ يڠ منديريكن صلاة سچارا برجماعة دان منونايكن زكاة ملالوِي بهاڬين زكاة دان فطرة مجليس أڬام إسلام سابه، سرتا رحماتيله ڤولوڠن يڠ منونايكن زكاة.

﴿ رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً ۚ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْوَهَّابُ ﴾ (سورة آل عمران: ٨)

﴿رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ﴾ (سورة البقرة: ٢٠١).

عِبَادَ اللهِ، ﴿إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُ بِٱلْعَدْلِ وَٱلْإِحْسَٰنِ وَإِيتَآيِٕ ذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ وَٱلْبَغْىِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ (سورة النحل: ٩٠). فَاذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوْهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ. وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ.

ٱللّٰهُ أَكْبَرُ ٱللّٰهُ أَكْبَرُ ٱللّٰهُ أَكْبَرُ، لآ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَٱللّٰهُ أَكْبَرُ، ٱللّٰهُ أَكْبَرُ وَلِلّٰهِ ٱلْحَمْدُ